

**INTERPRETASI BAHASA MANTERA UPACARA *BARASIK***  
**MASYARAKAT BISAYA DI BEAUFORT, SABAH**  
***INTERPRETATION OF BISAYA MANTRA IN THE BARASIK CEREMONY***  
***IN BEAUFORT, SABAH***

**Musnin Misdih**

*Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah*  
*musninmisdih67@gmail.com*

*Tarikh dihantar: 26 Julai 2019 / Tarikh diterima: 9 September 2019*

---

**ABSTRAK**

Bahasa mantera adalah satu kaedah perubatan alternatif yang digunakan oleh *babalian* menerusi pengucapan pantun berirama dalam upacara *barasik*. Ia diucapkan untuk berhubung dengan alam ghaib. Tujuannya bagi mengembalikan semangat pesakit akibat gangguan makhluk halus. Kajian dilakukan di Padas Damit, Beaufort, Sabah yang telah mengamalkan kaedah perubatan alternatif ini pada zaman dahulu. Malim berperanan menginterpretasi kandungan mantera dan mentafsirkan maksud bahasa mantera ini bagi setiap perkataan, istilah dan ungkapan ayat. Hasil kajian mendapati mantera dalam upacara *barasik* menjelaskan suatu penceritaan di alam dunia dengan alam ghaib. Di alam dunia telah terbentuknya struktur sosial budaya, penggunaan bahasa dan kepercayaan bagi menjelaskan pemikiran masyarakat ini pada zaman dahulu. Artikel ini akan menjelaskan maksud bahasa yang tersirat dan tersurat di sebalik ungkapan kata-kata yang terdapat dalam mantera upacara *barasik*.

**Kata kunci:** Interpretasi, mantera, perubatan alternatif, pemikiran, *barasik*.

***ABSTRACT***

*Mantra language is an alternative medical method used by babalian through spelling poetry of rhythm in barasik ritual. It is a spell to connect with the mystical. The purpose of this ritual is to give back the patient's soul from a disturbing spirit. The study was conducted in Padas Damit, Beaufort, Sabah which this method has been used from the past. Malim's role is to interpret the content of spells and translating the mantra language in every words, terms and sentence. The result of this study found that the mantra in barasik ritual explains a story of the world with the mystical. In this world, there has been the formation of*

*social and cultural structures, the use of language and beliefs to explain the thinking of this society in ancient times. This article will explain the meaning of implied and explicit language behind the expression of words that are found in barasik ritual mantra.*

**Keywords:** *Interpret, mantra, alternative medical, thinking, barasik.*

## PENDAHULUAN

Masyarakat Bisaya adalah kaum peribumi asal yang telah menetap awal di kawasan lembah Sungai Padas, Beaufort. Mereka hidup dalam satu sistem sosial yang kompleks dengan adat resam, bahasa sukuan dan kepercayaan sejak ratusan tahun lagi. Etnik ini telah menerima perubahan sosial budaya dan agama apabila Kerajaan Brunei menjajah di kawasan lembah Sungai Padas. Kehidupan mereka pada zaman dahulu masih bergantung kepada perubatan alternatif, iaitu upacara *barasik* bagi menghalau makhluk halus yang mengganggu pesakit. Oleh itu, kaedah bacaan mantera telah digunakan oleh bomoh yang memiliki kepakaran atau kebolehan luar biasa untuk memulihkan semangat pesakit. *Babalian* akan mengetuai upacara ini dengan gerak tari ritualnya bersama hidangan sebagai santapan makanan kepada makhluk halus. Kaedah rawatan ini adalah sama seperti yang telah dilakukan oleh kajian penulis-penulis terdahulu.

### **Kajian penulis terhadap persembahan ritual**

Hamera (2011: 186) dalam kajiannya mendapati tarian ritual yang diadakan pada upacara tertentu turut mendapat sambutan penonton. Malahan, mereka turut aktif dan menyertai persembahan berbentuk ritual ini. Pendapat ini dijelaskan seperti berikut:

*Daily rituals like those involving energy shore up an ethics of service and presence within the community of dances. These rituals make explicit the social responsibilities each has for the well being of others that includes, and goes beyond, the responsibilities for enacting demanding choreography safely with focus attention and precision.*

(Hamera, 2011: 186)

Kajian Mohd. Kipli Abdul Rahman (2009: 125–139) mendapati tarian berunsurkan mabuk dipengaruhi oleh makhluk halus di alam ghaib dalam penyediaan, pemilihan dan penyusunan kod-kod semiotik dalam persembahan yang diingini oleh makhluk halus di alam ghaib. Pertama, kod bunyi yang menggunakan peralatan muzik angklung dan kod bunyi gamelan. Makhluk

halus dipercayai memahami bunyi ini apabila dipanggil sebelum persembahan bermula. Kedua, hidangan persembahan dari segi pelbagai bahan dan jumlah yang dihidangkan. Ketiga, hidangan yang dikehendaki oleh makhluk halus. Persembahan akan tergendala sekiranya kehendak makhluk halus tidak dapat dipenuhi. Penari yang mabuk akan mengamuk kerana makanan yang dikehendaki tidak dapat disediakan.

Amran Kasimin (2006: 11–12) dalam kajiannya menyatakan bahawa persembahan teater Melayu tradisional melibatkan bomoh dan makhluk alam ghaib. Makhluk alam ghaib ini akan diseru namanya agar meresap ke dalam tubuh pawang, bomoh, Tuk Puteri atau penari yang menyebabkan mereka tidak sedarkan diri. Persembahan dan upacara menurun juga memperlihatkan adanya amalan rawatan yang dipercayai berpunca daripada gangguan jin dan hantu jembalang. Gerak tari digunakan untuk memulihkan pesakit dengan menggunakan makhluk halus yang diseru atau dipuja datang meresap ke dalam tubuh penari yang melakukan persembahan. Jelasnya, kemuncak persembahan adalah bertujuan untuk rawatan dan hiburan dan diakhiri dengan menghantar pulang makhluk yang membantu dengan hidangan yang disediakan.

Mas Irun Alli (2005: 62) juga turut menyatakan bahawa dalam keadaan sakit dan demam, tubuh badan manusia tidak hanya diterima sebagai mengalami ketidakseimbangan pada fizikalnya tetapi juga meliputi perasaan dan fikiran yang diistilahkan sebagai semangat. Ketidakseimbangan pada kedua-dua komponen ini menyebabkan timbul satu keperluan untuk merawatinya.

Kajian penulis terdahulu telah mempengaruhi penulis untuk mengupas elemen-elemen penting dalam persembahan ritual yang melibatkan makhluk halus. Elemen tersebut ialah mantera yang digunakan dalam upacara ritual *barasik*. Fokus utama kajian ialah bahasa yang digunakan oleh bomoh, di samping menjelaskan pergerakan tari yang ada kaitannya dengan tatacara upacara tersebut.

### **Pergerakan tari *babalian* dan mantera ritual**

Tatacara upacara ritual ini dirancang tidak kurang tujuh hari sebelum diadakan. *Babalian* akan memaklumkan tarikh dan masa yang sesuai untuk mengadakan upacara *barasik*. Alat kelengkapan seperti pakaian, kipas dan selendang perlu disediakan lebih awal. Kesemua keperluan ini digunakan oleh *babalian* semasa melakukan pergerakan tari. Secara amnya, persediaan fizikal dan mental perlu ada setiap kali upacara ini berlangsung. Setiap gerak tari memerlukan tenaga dan suara yang lantang semasa membacakan mantera.



**Rajah 1** Suasana upacara *barasik* di Padas Damit, Beaufort, Sabah

Rajah 1 memaparkan suasana *barasik* yang dilakukan pada waktu malam. Upacara ini diketuai oleh *babalian*. Malim pula bertugas sebagai pembantu kepada *babalian* dan menyampaikan mesej kepada ahli keluarga pesakit, selain berperanan menyediakan hidangan dan keperluan asas *barasik*. *Sangkuban* diletakkan di tengah di mana *babalian* akan menari sambil membaca mantera. Terdapat tujuh mantera dibacakan oleh *babalian* sehingga upacara ini selesai. Masing-masing mempunyai tujuan tersirat yang disampaikan kepada ahli keluarga pesakit. Berikut adalah pergerakan tari *babalian* yang dipaparkan dalam visual bergambar.



(i)



(ii)




**Rajah 2** Pergerakan tari dan bahagian kaki

Rajah 2 menunjukkan gerak tari bahagian kaki *babalian* dalam tarian *Sayau Babalian*. Unsur spiritual yang terdapat dalam gerak tari ini bertujuan memanggil makhluk halus turun ke bumi dengan menggunakan selendang berwarna kuning. Unsur perlambangan warna kuning mewakili kumpulan makhluk halus. Gerak tangan menggunakan kipas menunjukkan *babalian* sedang berunding dengan makhluk halus supaya semangat pesakit dapat dipulihkan dan penyakit dapat diubati seperti yang ditunjukkan pada Rajah 2 (i). Pergerakan tari kaki ke kiri dan ke kanan, manakala kaki kiri atau kaki kanan akan menyentuh lantai seperti Rajah 2 (ii). Kedua-dua kaki kiri dan kanan terbuka membentuk sudut 45 darjah dengan tumit menyentuh antara satu sama lain. Tumit kaki kiri digerakkan ke tepi bersama-sama dengan bahagian hadapan kaki kanan yang menggunakan tumitnya. Ia akan membentuk huruf 'V'. Prinsip yang sama juga digunakan untuk kaki kiri dan tumit kanan digerakkan ke tepi menjadikan bentuk 'V' biasa seperti Rajah 2 (iii). Pergerakan kaki berlaku apabila bersilang ke kanan dan kiri. Kaki bersilang menuju ke arah kanan dan ke arah kiri seperti Rajah 2 (iv). Gerak bahagian kaki merupakan gerak asas tari tradisi seperti kaki berjengket, bergeser atau sambil bergerak melakukannya atau kaki bergerak seperti campak lenggang, berjalan depan belakang, bergerak ke kiri dan kanan.

### **Peranan bahasa mantera dalam masyarakat Bisaya**

Kajian dilakukan di Kampung Padas Damit, Beaufort menerusi rakaman video pada tahun 1987 yang diambil oleh jurugambar persendirian dalam upacara *barasik*. Upacara *barasik* telah dilakukan oleh Encik Tadin Singan<sup>1</sup> semasa melakukan upacara ritual tersebut. Bahasa mantera telah direkod dan ditulis semula bagi setiap perkataan yang diucapkan. Proses menganalisis makna, iaitu tafsiran ungkapan perkataan dan baris ayat diinterpretasikan oleh Encik Titing Abus<sup>2</sup> yang pernah menjadi seorang malim pada zaman dahulu. Menurut

Awang Azman (2003: 90), penggunaan dan pembentukan perkataan dalam karya mempunyai peranan penting membentuk bahasa. Dalam hal ini, konteks bahasa mempunyai maksud bunyi yang diungkapkan yang ditujukan kepada orang lain. Kajian ini ditunjukkan menerusi rajah berikut.



**Rajah 3** Reka bentuk kajian interpretasi bahasa mantera upacara *barasik* dalam masyarakat Bisaya di Beaufort

Upacara *barasik* adalah perubatan alternatif yang telah diamalkan sejak tahun 1880-an. Bahasa mantera yang digunakan adalah ekspresi penyampaian yang terhasil daripada pandang dunia masyarakat Bisaya terhadap alam supernatural dan kosmologi mereka. Mantera yang digunakan telah merealisasikan keindahan Bahasa Melayu dalam rentak sebutan Bisaya. Kehalusan penyampaian dan kemerduan bunyi telah memberi kesan estetika kepada pendengar. Penggunaan bunyi di hujung rima seperti ra, si, yu, du, li, sa, mu adalah pengulangan vokal (a, e, i, o, u) yang ditekankan dalam bahasa mantera ini. Bahasa ini telah diinterpretasi mengikut pemahaman malim sebagai jurubahasa *babalian* kepada keluarga pesakit. Malim mentafsir maksud yang disampaikan kepada manusia (pesakit) dan makhluk halus melalui mantera *babalian* (bomoh), manakala pesakit akan mengikut kata makhluk halus dengan menyediakan hidangan yang disukai bagi menghilangkan kemarahannya terhadap manusia. Oleh itu, *babalian* akan membacakan manteranya supaya dapat berkomunikasi dengan makhluk halus. Sekiranya berjaya dalam perundingan ini bermakna semangat pesakit dapat dipulihkan semula daripada gangguan jin.

## Interpretasi bahasa mantera

Menurut *Kamus Dewan* (2015: 584), interpretasi adalah tafsiran atau penjelasan tentang makna, tujuan dan implikasi terhadap sesuatu. Oleh itu, kajian ini mentafsir bahasa mantera yang digunakan oleh *babalian* mengikut pemahaman seorang malim dalam upacara perubatan *barasik*. Ungkapan bahasa dan perkataan mempunyai mesej yang disampaikan kepada pesakit, termasuklah kepada pembantu *babalian* untuk menyediakan bahan hidangan dan keperluan dalam upacara ini. Tujuannya supaya upacara perubatan ini berjalan dengan lancar dan teratur. Petanda baik dicapai sekiranya dapat memenuhi kehendak dua belah pihak iaitu *babalian* (manusia) dan makhluk halus (jin).

Bahasa mantera dalam upacara ini menggunakan Bahasa Melayu dengan rentak sebutan berintonasikan Bisaya klasik zaman dahulu. Bahasa Melayu pula adalah mirip kepada bahasa dialek Melayu Brunei pada zaman itu. Beberapa istilah perkataan telah digunakan untuk berhubung dengan makhluk halus. Bahasa ini digunakan sebagai jampi, serapah ataupun tanda seru yang berupa rentak puisi dan rima. Terdapat pengulangan perkataan dan ungkapan terhadap subjek dalam bahasa mantera. Oleh itu, ia mempengaruhi *babalian* untuk menyampaikan maksudnya. Ayat-ayat yang dibacakan adalah resitasi mantera yang memerlukan kemampuan kuasa kebatinannya.

Struktur ayat dan perkataannya adalah bebas. Bilangan suku kata dalam sebaris adalah tidak menentu dan begitu juga dengan jumlah perkataannya. Namun begitu, terdapat beberapa rangkap yang berperanan menyampaikan maksud kepada pihak yang mendengarnya dalam upacara *barasik*.

Berikut adalah mantera 1 dan mantera 2 yang telah ditafsirkan maknanya bagi setiap perkataan dan ungkapan ayat. Tafsiran ungkapan ayat berdasarkan kepada setiap rangkap yang dinyatakan. Bahasa mantera telah dipindahkan Bahasa Melayu moden supaya dapat difahami maksudnya secara umum.

Mantera 1;

**Rangkap 1:**

*Oi juru malim si juru basa  
Juru basa mambawa kabar baik*

**Rangkap 2:**

*Kabar ku sampai ka da dia  
Baktimu tidak takira*

**Bagi setiap perkataan Rangkap 3:**

*Manjuluk dalam hati, apa jua lakumu  
Mangikut jua rayunya*

Sumber: Titing Abus, bekas malim, Kampung Padas Damit, Beaufort

Rangkap 1: Semasa upacara *barasik* bermula, terdapat beberapa keperluan iaitu persediaan awal sehingga akhir yang perlu dilaksanakan. Orang yang bertanggungjawab dalam upacara ini ialah seorang bomoh yang dikenali sebagai *babalian*. *Babalian* akan memilih seorang pembantunya iaitu malim. Malim berperanan penting dalam menyediakan dan mengurus segala kelengkapan hidangan sebelum dan semasa upacara *barasik*. Semasa upacara bermula, *babalian* akan membaca mantera dan meminta izin malim menjadi jurubahasanya dengan makhluk halus. Malim akan melaksanakan tugasnya untuk mentafsirkan bahasa yang digunakan oleh *babalian* semasa berkomunikasi dengan makhluk halus. Lazimnya, malim akan menerima beberapa isyarat pergerakan tari *babalian* menerusi gaya bahasa mantera yang digunakan. Malim pula akan menyampaikan maksud bahasa mantera yang tersirat dan tersurat kepada ahli keluarga pesakit<sup>3</sup>. Oleh itu, malim perlu mentafsir bahasa mantera yang disampaikan dengan penuh berhati-hati supaya tidak tersalah maklumat. Jika berlaku kesilapan, upacara *barasik* akan dibatalkan. Makhluk halus tidak akan turun di ruang yang disediakan iaitu *sangkuban*. Demikianlah tugas yang dilakukan oleh malim sepanjang upacara *barasik* berlangsung.

Rangkap 2: *Babalian* akan menyampaikan hasratnya untuk berbincang dengan makhluk halus bagi memenuhi permintaan pesakit. Sepanjang upacara berlangsung, *babalian* berkomunikasi dalam bahasa manteranya yang hanya difahami oleh malim yang bertugas. *Babalian* sangat menghargai peranan malim semasa melaksanakannya.

Rangkap 3: Malim yang berperanan untuk menyampaikan maksud *babalian* kepada keluarga pesakit. Terdapat beberapa isyarat seperti keperluan hidangan yang disediakan di ruang *sangkuban*. Hidangan yang biasa disediakan oleh malim



seperti telur, beras kuning, semangkuk air, halia merah, sirih, cekur dan ketupat. Malim akan melakukan tindakan dengan teliti. Ada kalanya malim dimarahi oleh *babalian* kerana lambat menyediakan bahan yang diperlukan. Jika pergerakan tari lebih cepat, bermakna tahap kemarahan *babalian* meningkat kerana bahan hidangan tidak dapat disediakan pada masa upacara berlangsung. Berbeza dalam situasi yang lain, apabila sampai ke satu tahap *babalian* menari dengan ekspresi keriang dan nada lagu manteranya yang indah disampaikan. Situasi ini menunjukkan ada petanda baik yang diterima olehnya daripada makhluk halus. Usaha *babalian* merayu akan berakhir apabila mendapat kata sepakat persetujuan daripada makhluk halus. Persetujuan ini menandakan makhluk halus tidak lagi memarahi kerana kesilapan manusia mencemari ‘kediaman’ mereka. Manusia juga akan berjanji kepada makhluk halus supaya tidak mengulanginya lagi.

Mantera 2;

**Rangkap 1:**

*Si bara sasi  
Sasi berara tajir  
Tajir sasi kan unjar*

**Rangkap 2:**

*Cari dia ku kan rayu  
Mana **ani** perampuan  
Di mana **ani**  
Mana **ani** kan unjar  
Cari dia rupawan*

**Rangkap 3:**

*Tanjung pa lem ta du  
Bawa mengusai guli*

**Rangkap 4:**

*Ingat dulu balik arab  
Cakap ku ratu arab*

**Rangkap 5:**

*Dami gunung angsa  
Dami kerana kamu  
Nabi berara ansa  
Ra sa itan*

Sumber: Tadin Sinjan, bekas *Babalian*, Kampung Padas Damit, Beaufort

Rangkap 1: Sasi adalah dari golongan pertengahan kumpulan makhluk halus (jin). Sasi memainkan peranan yang penting berjumpa Tajir bagi melaksanakan tugasnya. Tajir pula adalah dari golongan atasan yang mempunyai pengaruh

yang kuat. Sasi dan Tajir tergolong dalam kumpulan yang baik. Mereka berdua adalah lelaki daripada kumpulan jin yang selalu berkhidmat kepada manusia. Sasi dan Tajir menjalankan tugas ini setelah mendapat seru daripada *babalian*. *Babalian* memerlukan khidmat Tajir dan Sasi bagi mendapatkan pertolongan mereka sebagai perantaraan dengan jin lain yang mengganggu manusia.

Rangkap 2: Tajir dan Sasi akan melaksanakan tugasnya mencari perempuan dalam kalangan makhluk halus yang dikiaskan dengan kecantikannya. Mereka berdua terus berusaha untuk memenuhi gadis rupawan tersebut bagi mencapai maksud mereka. Tujuan utama mereka ialah untuk menyampaikan hasrat manusia memohon maaf kerana mengganggu tempat kediaman perempuan tersebut.

Rangkap 3: Gadis rupawan yang dicari itu sebenarnya tinggal di Tanjung Palemtadu. Tajir dan Sasi telah melakukan perundingan dengan gadis rupawan itu dengan begitu tertib tatacaranya. Ternyata, perundingan ini tidak berjaya. Tajir dan Sasi pun pulang menemui *babalian*. Jika hal ini perkara berlaku, *babalian* akan mencari suatu masa yang sesuai untuk menyuruh Tajir dan Sasi bertemu semula dengan gadis rupawan itu. Tajir dan Sasi berjaya menemui semula bagi kali kedua setelah pertemuan pertama tidak berjaya.

Rangkap 4: Gadis rupawan itu adalah seorang raja jin yang beragama Islam. Jin ini telah diislamkan oleh orang Arab di Tanjung Palemtadu. Oleh itu, perundingan dilaksanakan mengikut tatacara Islam bagi menghormati agama yang dianutinya. Usaha perundingan telah berjaya kerana sikap raja jin Islam yang bertimbang rasa dan memaafkan kesilapan manusia yang telah mengganggu kawasan mereka.

Rangkap 5: Merujuk kepada perundingan kedua belah pihak telah berjaya dengan mengadakan satu perjanjian. Perjanjian tersebut ialah dengan tidak mengulangi semula kesilapan yang dilakukan oleh manusia ke atas kediaman keluarga raja jin Islam ini. *Babalian* mengucapkan terima kasih kepada Tajir dan Sasi kerana melaksanakan tugas dengan baik. Tanggungjawab dan kerjasama manusia dengan makhluk halus telah mencapai kata sepakat iaitu untuk berdamai semula.

Berdasarkan interpretasi bahasa ini menunjukkan bahawa terdapat beberapa tatacara membaca mantera. Bahasa pemujukan digunakan untuk menyampaikan ungkapan kata-kata yang indah. Bagi memudahkan agar difahami oleh masyarakat umum, mantera mempunyai versi dalam Bahasa

Melayu. Walaupun dipengaruhi oleh dialek sukuan Brunei, maksud yang tersirat dan tersirat mudah ditafsirkan oleh malim.

Penggunaan bahasa yang mempunyai dielek sukuan Brunei seperti dalam mantera 2: rangkap 2 (baris: 4) iaitu *mana ani kan unjar*. Maksud perkataan *ani* ialah *ini*, manakala *unjar* adalah *mencari*. Dialek sukuan Brunei telah digunakan dalam bahasa mantera ini. Tujuannya untuk menyatakan bahasa seharian yang selalu digunakan oleh masyarakat Bisaya. Hal ini menunjukkan bahawa bahasa Bisaya pada zaman dahulu telah menerima asimilasi bahasa Brunei apabila Kerajaan Brunei menjajah kawasan lembah Sungai Padas selama ratusan tahun lamanya.

Perkataan berunsurkan agama Islam juga digunakan. Merujuk mantera 2: rangkap 4 (baris 1 dan 2), iaitu *arab* bermaksud bangsa yang pertama menerima Islam. Istilah *nabi* merujuk kepada pesuruh Allah SWT iaitu Nabi Muhammad. Penduduk Padas Damit pada zaman itu adalah beragama Islam. Masyarakat Bisaya hanya terdapat di kawasan berhampiran Sungai Padas dan Semenanjung Klias. Mereka beragama Islam jika dibandingkan dengan penduduk Bisaya yang ada di Limbang beragama pagan (Harrison, 1962: 6).

Kata-kata yang dipilih mempunyai kekuatan kuasa ghaib dan luar biasa sehingga dapat memberi kesan spiritual terhadap manusia. Ungkapan kata-kata yang diucapkan mirip seperti puisi yang mempunyai unsur-unsur sihir yang melibatkan bahasa yang sering digunakan oleh makhluk halus. Oleh itu, bahasa mantera merupakan ayat yang dibaca oleh manusia bagi melakukan sihir dengan menggunakan kaedah kebatinan bomoh.

## KESIMPULAN

Artikel ini menjelaskan beberapa ungkapan bahasa mantera yang ditafsirkan oleh malim, iaitu pembantu *babalian* dalam upacara *barasik*. Kajian ini penting sebagai sebuah dokumen bertulis awal berkenaan interpretasi bahasa mantera yang digunakan dalam perubatan alternatif masyarakat Bisaya. Ia dapat menterjemahkan jati diri Bisaya sebagai satu wadah ilmu dan pengetahuan agar dapat memartabatkan khazanah warisan bangsa.

Jampi atau mantera dalam upacara *barasik* yang pernah dilakukan oleh para pengamal perubatan alternatif zaman dahulu bertujuan untuk menguatkan semangat pesakit. Sementara itu, ramuan ubat-ubatan menunjukkan keupayaan manusia untuk melakukan sesuatu dalam perubatan yang melibatkan makhluk

halus. Justeru, terdapat rangkai kata yang disebut dalam mantera digunakan untuk memohon pertolongan daripada pihak di alam luar manusia. Perkataan yang berasaskan kepada agama Islam juga digunakan dalam mantera, menunjukkan bahawa unsur-unsur keislaman dalam masyarakat Bisaya pada zaman itu dimasukkan dalam mantera. Hal ini jelas kerana terdapat beberapa perkataan yang diguna pakai dalam mantera yang disampaikan oleh *babalian*. Oleh itu, agama Islam telah melalui proses asimilasi dengan budaya tempatan dan mempengaruhi amalan perubatan alternatif rawatan yang dilakukan oleh *babalian* pada zaman awal kedatangan Islam. Berbanding pada hari ini, masyarakat Islam mempunyai pengaruh yang dominan terhadap amalan dan kepercayaan menurut ajaran Islam yang sebenarnya.

## NOTA

- <sup>1</sup> Encik Tadin bin Sinjan. 90 tahun. Kampung Padas Damit, Beaufort. Bekas *babalian* selama 43 tahun dan bomoh tradisional. Temu bual pada 12 Oktober 2012.
- <sup>2</sup> Encik Titing bin Abus. 73 tahun. Kampung Luagan Sanginan, Beaufort. Bekas malim dalam upacara *barasik*. Temu bual pada 20 Julai 2019.
- <sup>3</sup> Juatarah binti Anai. 76 tahun. Keluarga pesakit yang dirawat. Kampung Tuhu Lupak, Beaufort. Temu bual pada 15 Julai 2019.

## RUJUKAN

- Amran Kasimin. (2006). *Unsur-unsur menurun dalam persembahan teater Melayu tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Azman Awang Pawi. (2003). *Licentia poetica puisi mutakhir Malaysia*. Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak.
- Hamera, J. (2011). *Dancing communities. performance, difference and connection in the city*. Hampshire: Palgrave MacMillan.
- Harrison, T. (1962). Bisaya in North Borneo and elsewhere. *Sarawak Museum Journal*, VIII (June), 7.
- Kamus Dewan. (2015). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mas Irun Allli. (2005). *Perubatan herba masyarakat Melayu Brunei*. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Mohd. Kipli Abdul Rahman. (2009). *Mabuk mistikal semiotik metafizik dalam Kuda Kepang Mabuk*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Musnin Misdi. (2011). Gerak tari perubatan Babalian: Membentuk budaya tari Liliput suku kaum Bisaya Sabah. Kertas kerja *Seminar Antarabangsa Warisan Nusantara & Bicara Kraf Warisan*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah. 9–11 Disember, 910–921.

Musnin MisdiH & Ismail Ibrahim. (2012). Gerak tari perubatan tradisi Barasik & mentera suku kaum Bisaya Sabah. Kertas kerja *International Seminar Warisan Nusantara 2012 Indonesia*. Semarang: Universitas Negeri Semarang. 18–19 Disember, 320–338.

**Informan**

- Aur Sanggup. 80 tahun. Bomoh tradisional kanak-kanak. Kampung Selinsing, Beaufort. 14 Julai 2019.
- Domsin @ Odal Otar. 90 tahun. Seorang malim dan pengamal upacara *barasik*. Kuala Penyu. 7 Mac 2010.
- Juatarah Anai. 76 tahun. Keluarga pesakit yang dirawat. Kampung Tuhu Lupak, Beaufort. 15 Julai 2019.
- Risim Aham. 56 tahun. Kampung Batandok, Beaufort. Jurulatih tarian AJK Biro Kebudayaan dan Kesenian, Persatuan Bisaya Bersatu Sabah, Beaufort. 21 Julai 2019.
- Tadin Sinjan. 90 tahun. Kampung Padas Damit, Beaufort. Bekas *babalian* selama 43 tahun dan bomoh tradisional. 12 Oktober 2012.
- Titing Abus. 73 tahun. Kampung Laugan Sanginan, Beaufort. Bekas malim dalam upacara *barasik*. 20 Julai 2019.

